

05 APR 2000

Mahkamah-Anwar

ISU DR MAHATHIR BERI KETERANGAN DI MAHKAMAH DIDENGAR ISNIN INI

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini, hari ini, menetapkan Isnin ini untuk mendengar keterangan sama ada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu memberi keterangan pada perbicaraan kes liwat bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hakim Datuk Arifin Jaka membuat keputusan itu setelah dimaklumkan bahawa Anwar telah memfailkan affidavit tambahan kepada affidavit jawapan Perdana Menteri pagi ini dan memutuskan bahawa Dr Mahathir tidak perlu menjawab affidavit berkenaan.

Peguam Karpal Singh yang mewakili Anwar berkata affidavit berkenaan telah diserahkan kepada Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail.

"Tidak perlu menjawabnya kerana fakta yang terkandung dalam affidavitnya (Dr Mahathir) mencukupi. Tetapi untuk berlaku adil, tunjukkan kepada beliau," kata Arifin.

Bagaimanapun perbicaraan kes liwat itu akan disambung Jumaat ini.

Semalam Dr Mahathir memfailkan affidavit jawapan 14 halaman dengan 27 alasan akan tiada kaitannya terhadap permohonan Anwar untuk memanggilnya memberi keterangan dalam kes liwat itu.

Dr Mahathir memfailkan affidavit berkenaan setelah menerima affidavit Anwar yang diserahkan oleh pembelaan pada Jumaat lepas apabila Arifin pada hari yang sama, memerintahkan peguam bela Anwar menyerahkan sendiri affidavit itu kepada Perdana Menteri.

Anwar, 52, dan Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 39, dituduh secara berasingan meliwat Azizan Abu Bakar, 39, di pangsapuri Sukma di Tivoli Villa, Bukit Bandaraya, di sini pada pukul 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan juga menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan, bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, di tempat dan masa yang sama.

Dalam affidavitnya, Dr Mahathir yang meminta sapa terhadapnya dibatalkan berkata tindakan Anwar memanggilnya sebagai saksi pembelaan berniat buruk dan merupakan penyalahgunaan proses mahkamah.

Beliau berkata, tindakan itu bukan satu usaha yang jujur (bona fide) untuk mengemukakan keterangan relevan dan atau material yang boleh membantu mahkamah.

Dr Mahathir yang memfailkan sendiri affidavit itu semalam berkata beliau tidak pernah pada bila-bila masa memberi arahan kepada atau bersubahat dengan sesiapa untuk mereka-reka apa-apa keterangan untuk menuduh Anwar melakukan perbuatan liwat itu terhadap sesiapa pun.

Beliau berkata, pada pertemuannya dengan Anwar pada 2 Sept 1998, beliau telah menjelaskan kepadanya bahawa beliau percaya dan berpuashati yang bekas Timbalan Perdana Menteri itu telah melakukan seks di luar tabii.

Katanya, beliau telah merundingkannya dengan Ketua-ketua Umno dan "kami bersetuju bahawa dia tidak lagi layak untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri atau Timbalan Presiden Umno".

"Saya berkata kepadanya bahawa oleh kerana perlakuan homoseks olehnya, dia mesti meletakkan jawatan atau saya akan menyingkirnya."

"Saya tidak sama sekali mengugut untuk mendakwanya. Benar, Datuk Seri Anwar berkata dia tidak bersalah dan dia tidak akan meletakkan jawatan. Sebaliknya dia berkata "I will fight". Saya ingin menegaskan bahawa menyingkirnya adalah hak saya sebagai Perdana Menteri," kata Dr Mahathir.

Mengenai dakwaan Anwar bahawa beliau (Dr Mahathir) gentar sekiranya jawatan presiden Umno dicabar olehnya, Dr Mahathir berkata, "Saya tidak marah dan tidak gentar dan sekiranya benar Datuk Seri Anwar akan mencabar saya sebagai presiden, saya yakin Umno akan menolaknya."

Perdana Menteri juga menolak dakwaan Anwar bahawa beliau telah mengeluarkan arahan kepada polis, Jabatan Peguam Negara dan jentera kerajaan yang lain untuk mengancam kedudukannya dengan merekacipta tuduhan terhadapnya.

Dr Mahathir juga menyatakan bahawa beliau tidak mempunyai pengetahuan secara peribadi mengenai siapa yang bertanggungjawab terhadap pengedaran buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM".

Dr Mahathir berkata beliau membuat kenyataan media bahawa tuduhan terhadap Anwar adalah fitnah ketika itu adalah kerana semata-mata berasaskan kepada persepsinya terhadap Anwar pada waktu itu.

Sementara itu Anwar dalam affidavit tambahannya berkata keterangan Dr Mahathir sangat penting pada kesnya dan meminta mahkamah supaya memberi ruang kepadanya mengemukakan pembelaan dengan memerintahkan Dr Mahathir supaya hadir ke mahkamah tanpa sebarang kelengahan lagi.

Anwar yang tidak menafikan hak Dr Mahathir menyingkirnya berkata Perdana Menteri perlu memberi keterangan berdasarkan pengakuannya yang beliau menerima surat perihal salah laku seks daripada Ummi Hafilda Ali, menyerahkan surat itu kepadanya (Anwar), menemui Azmin Ali (bekas setiausaha sulit Anwar) dan Azizan.

Pada 9 Mac lepas, Anwar mengemukakan affidavit setebal 10 halaman dengan 19 alasan mengenai kaitan keterangan Dr Mahathir dalam kesnya itu.

Beliau mengemukakan affidavit itu setelah Arifin pada 18 Feb lepas, memerintahkan pembelaan menunjukkan bahawa keterangan Dr Mahathir itu mempunyai kaitan dengan kes berkenaan.

Pada persidangan hari ini, Arifin juga memutuskan supaya permohonan Tun Daim Zainuddin untuk mengetepikan sapa yang dikeluarkan terhadapnya didengar selepas isu Dr Mahathir sebagai saksi selesai.

Beliau membuat keputusan itu setelah membenarkan permohonan Karpal Singh yang tidak dibantah oleh peguam Ng Aik Guan yang mewakili Daim.

-- BERNAMA

NHD PR